

Nahas ke tempat kerja meningkat

BH
13/4/16 ms 16

INFO

Kes kemalangan dalam perjalanan pergi atau pulang dari tempat kerja



TAHUN	JUMLAH KES	MAUT	ANGGARAN TUNTUTAN PERKESO
2015	28,579	691	RM867 juta
2014	28,037	646	RM800 juta
2013	27,659	656	RM733 juta
2012	26,256	646	RM667 juta

Kuala Lumpur: Sebanyak 28,579 kemalangan dalam perjalanan pergi atau balik dari tempat kerja dicatatkan tahun lalu, meningkat dua peratus berbanding 28,037 kes pada tahun 2014.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abdul Muttalib, berkata peningkatan kes kemalangan itu adalah membimbangkan, berikutan 691 pekerja maut pada tahun lalu, berbanding 646 pada 2014.

Tiga kes setiap hari

Katanya, dianggarkan sebanyak tiga kes kemalangan berlaku setiap hari di negara ini, dan dua daripada tiga kes itu adalah kemalangan dalam perjalanan pergi atau balik dari tempat kerja.

“Lebih mendukacitakan ialah kebanyakan kes berlaku dalam lingkungan kurang lima kilometer dari tempat kerja, dengan 70 peratus yang terbabit kemalangan ini adalah yang bekerja pada sebelah pagi,” katanya.

Beliau berkata pada pelancaran Kempen Perjalanan Selamat Ke Tempat Kerja Kebangsaan di Menara TM di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Kesela-

matan Sosial (PERKESO), Datuk Abu Huraira Abu Yazid; Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed; Naib Presiden Eksekutif Sektor Kerajaan Telekom Malaysia Bhd (TM), Datuk Kairul Annuar Mohamed Zamzam dan Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye.

Ismail berkata, jumlah bazaran pampasan daripada PERKESO juga meningkat setiap tahun, iaitu RM2 bilion pada 2012 kepada RM2.6 bilion pada tahun lalu dengan satu pertiga daripadanya adalah kes kemalangan pergi atau balik dari tempat kerja.

Yakin sasaran dicapai

“Ia adalah satu kerugian kerana wang itu boleh diguna-

kan untuk faedah lain kepada pekerja, selain kes kemalangan dan kematian hanya merugikan keluarga, majikan dan negara.

“Matlamat kami adalah mengurangkan kadar kemalangan kepada maksimum dua daripada 1,000 orang pada tahun ini dan kami yakin melalui kempen seperti ini, sasaran itu dapat dicapai,” katanya.